

**APLIKASI MOTIF BUNGA KETAM GURI PADA
SELENDANG DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH BATIK**

BLOK

WAN NUR ASMA BINTI WAN JUHAN

C17A0382

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF

MALAYSIA

DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

APLIKASI MOTIF BUNGA KETAM GURI PADA
SELENDANG DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH
BATIK BLOK

WAN NUR ASMA BINTI WAN JUHAN

Tesis Yang Dikemukakan Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan
Kepujian (Tekstil Fesyen)

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia



WAN NUR ASMA BINTI
WAN JUHAN

Tarikh: 15 JULAI 2021

PUAN NURULAHDA BINTI SULAIMAN

Tarikh: 15 JULAI 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya yang telah saya jelaskan sumbernya.



Tandatangan

Nama Pelajar : WAN NUR ASMA BINTI WAN JUHAN

No Matrik : C17A0382

Tarikh: 15 JULAI 2021

Tandatangan Penyelia

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia : PUAN NURULAHDA BINTI SULAIMAN

Cop :

Tarikh: 15 JULAI 2021

APLIKASI MOTIF BUNGA KETAM GURI PADA SELENDANG DENGAN MENGUNAKAN KAEDAH BATIK BLOK

ABSTRAK

Alam semula jadi seperti bunga ketam guri merupakan antara flora yang cukup kuat dan sinonim dalam kehidupan tradisi masyarakat Melayu dan terutamanya terhadap pereka seni. Selain itu, kajian ini membincangkan tentang sejarah batik. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat faktor faktor kurangnya penggunaan motif bunga ketam guri pada pemakaian selendang sekarang. Seterusnya, kajian ini juga membincangkan tentang kepentingan menggunakan kaedah batik blok. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mengumpul data yang melibatkan pelajar, orang awam untuk mendapatkan pendapat dan pengetahuan daripada mereka. Instrumen kajian ini ialah soal selidik. Kajian ini fokus secara mendalam tentang kajian aplikasi motif bunga ketam guri pada pemakaian selendang dengan menggunakan kaedah batik blok.

Kata Kunci: Batik, Blok, Bunga Ketam Guri

ABSTRACT

Nature such as *bunga ketam guri* is strong enough between the flora and synonymous in the life of the community tradition and especially the art designer. In addition, this study discusses the history of *batik*. This study also aims to look at the factors of the lack of use of *bunga ketam guri* motif on the current wearing of hijab. Next, this study also discusses the importance of using the block batik method. This study uses qualitative and quantitative methods to collect data involving students, the public to obtain opinions and knowledge from them. The instrument of this study was a questionnaire. This study focuses in depth on the study of the application of *bunga ketam guri* motif on the wearing of shawls by using block batik method.

Keywords: Batik, Blok, Bunga Ketam Guri

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur telah dipanjatkan ke hadrat Ilahi Yang Maha Berkuasa di atas segala kesempatan dan kekuatan yang dilimpahkanNya sehingga saya mampu menyiapkan kajian projek penyelidikan ini.

Hakikatnya usaha ini tidak mungkin akan terhasil tanpa bimbingan, kerjasama, dorongan, kritikan yang membina dan juga doa daripada pelbagai pihak khususnya buat kedua ibu bapa saya dan keluarga tercinta.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia praktikal saya iaitu Puan Nurulahda Binti Sulaiman yang telah banyak membantu saya dan tidak jemu memberi tunjuk ajar, dorongan dan nasihat dalam menyiapkan projek ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat antaranya rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu menyiapkan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK		i
ABSTRACT		i
PENGHARGAAN		ii
SENARAI KANDUNGAN		iii-iv
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.0	Pengenalan	1-2
1.1	Latar Belakang Kajian	3-4
1.2	Pernyataan Masalah	4-5
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	5
1.4	Tujuan Penyelidikan	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Hipotesis Kajian	7
1.7	Istilah dalam Kajian	8
1.8	Manfaat Kajian	9
BAB 2	KAJIAN PUSTAKA	
2.0	Pengenalan	10
2.1	Ulasan Literature	11-12
2.2	Rumusan Kajian Pustaka	13
BAB 3	METODOLOGI	
3.0	Pengenalan	14-15
3.1	Reka Bentuk Kajian	15
3.2	Batasan Kajian	16
3.3	Kaedah Kajian	16
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	17-18
3.5	Kaedah Kualitatif	18-25
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	26
4.1	Analisa Soal Selidik	26
4.2	Analisa Maklumat Responden	27-30
4.3	Analisa Soalan Mengenai Motif Bunga Ketam Guri dalam Pemakaian Selendang	30-39
4.4	Hasil Temubual	40-41
4.5	Rekaan Corak Motif	41
4.6	Proses Perletakan Reka Corak Motif pada Selendang	41-43

4.7	WARNA	44-47
4.8	PROSES PENGHASILAN PRODUK	48-56
BAB 5	CADANGAN	
5.0	PENKAJI BARU	57
5.1	INDUSTRI	57
5.2	NEGARA	57
	RANCANGAN UNTUK JUALAN ATAS	58
	TALIAN	
	KESIMPULAN	59
	LAMPIRAN	
	RUJUKAN	



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

APLIKASI MOTIF BUNGA KETAM GURI PADA SELENDANG
MENGUNAKAN KAEDAH BATIK BLOK

BAB 1
PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Alam amat sinonim dengan kehidupan manusia. Alam juga mempunyai pengaruh dan berkaitan dengan kehidupan masyarakat sejak zaman dahulu lagi. Pokok Bunga Ketam Guri merupakan alam flora yang biasa dijumpai tumbuh secara meliar di kawasan padang, tempat yang terbuka dan kawasan terbiar. Pokok ini juga dikenali dengan nama Getang Guri, Segar Guri dan Jerun Jantan. Bunga ini sangat popular dalam bidang seni ukiran dan batik. Namun begitu, tidak ramai yang mengenali pokok dan bunga ini termasuklah mereka yang terlibat dalam dunia seni. Motif Bunga Ketam Guri ini banyak digunakan dalam pembinaan ukiran tempatan sahaja sejak zaman berzaman termasuk di istana. Motif ini begitu sesuai untuk diangkat sebagai satu identiti bagi negeri Kelantan.

Batik berasal daripada perkataan jawa iaitu ‘amba’ yang bermakna menulis dan ‘nitik’ yang bermaksud titik. Batik merupakan sehelai kain yang mempunyai corak menarik. Batik juga terdiri daripada beberapa jenis iaitu batik lukis, batik blok dan batik *printing*. Menurut Omar Ali (2019), batik adalah merupakan kain yang dilukis dengan corak yang menarik dan terang. Batik ini wujud sejak kira-kira lebih 1000 tahun dahulu. Batik juga disebut dalam sejarah di alam Melayu pada abad ke-17. Di samping itu, batik ini juga wujud disebabkan mempunyai sejarah yang melibatkan kisah tentang Sultan Mahmud yang mengarahkan Laksamana Hang Nadim untuk mencari 140 kain serasah dan juga bunga yang mempunyai 40 jenis yang berbeza. Batik Malaysia terbahagi kepada tiga jenis iaitu batik canting, batik blok, dan batik skrin. Motif batik pula merupakan corak yang menjadi lakaran gambar pada batik yang mewujudkan batik secara keseluruhan. Motif batik selalu mempamerkan taraf atau status seseorang. Motif atau corak batik merupakan tradisi turun temurun. Melukis dan menerap merupakan

proses dalam menghasilkan motif-motif batik yang dijadikan sebagai corak-corak hiasan. Motif batik terbahagi kepada beberapa motif iaitu motif flora, haiwan, manusia, organik dan motif geometrik.

Batik sangat terkenal sebagai salah satu bidang kraftangan tradisional yang pertama di Malaysia. Setiap teknik mempunyai proses atau cara dan identiti tersendiri. Batik Blok, Batik Skrin, dan Batik Canting merupakan antara teknik yang begitu popular sekarang. Teknik batik yang digunakan untuk kajian ini adalah teknik Batik Blok. Batik Blok ini terkenal di Pantai Timur. Teknik juga dikenali sebagai Batik Cap dan Batik Terap. Proses awal dalam perkembangan pembuatan Batik Blok adalah menggunakan ukiran sarang blok kayu untuk mengecap. Penggunaan lilin dalam proses penerapan mula diperkenalkan oleh pembatik di Pantai Timur pada tahun 1990-an.

Batik cop atau juga dipanggil sebagai batik terap ini merupakan salah satu cara atau langkah untuk menghasilkan batik dengan menggunakan blok pengecop. Selain batik canting, batik blok juga menggunakan lilin untuk menghasilkan corak pada kain putih. Kebiasaannya, blok pengecop ini diperbuat daripada bahan seperti kayu dan logam. Bongkah kayu yang diukir dengan corak-corak menggunakan teknik ukiran timbul dijadikan sebagai acuan atau blok untuk menerap kain.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kes ini bermaksud gambaran menyeluruh tentang kajian yang akan dilaksanakan.

Umum mengetahui bahawa menurut batik merupakan satu kraftangan yang terunggul dan popular di Malaysia. Batik juga adalah satu fabrik yang diproses menggunakan lilin cair dan pencelupan warna. Batik ini berasal daripada perkataan 'tik' yang memberi makna 'titik' iaitu titik-titik kecil. Kajian ini menghasilkan batik dengan menggunakan kaedah blok tangan. Batik blok ini adalah dengan cara meletakkan corak batik pada kain dengan menggunakan blok. Menurut Asharil Duhardi Abdullah (2004), batik seni sangat istimewa adalah disebabkan oleh salah satu seni tradisi budaya yang wujud dan berkembang di Kepulauan Melayu serta berkaitan dengan pakaian penduduk di situ.

Kajian ini menggunakan kaedah batik blok kerana cara ini memerlukan masa yang agak pendek berbanding kaedah mencanting bagi menyiapkan proses-prosesnya. Kajian ini menfokuskan tentang aplikasi motif bunga ketam guri pada pemakaian selendang dengan menggunakan kaedah batik blok. Kajian ini bertujuan adalah pengkaji ingin memastikan agar penggunaan motif tersebut berkembang dan seterusnya mengajak semua masyarakat meminati dan menghargai pemakaian batik. Selain itu juga, kajian ini ingin memartabatkan lagi penggunaan motif ini yang sudah lama tenggelam malah di angkat balik dari ukiran di bangunan menjadi ukiran pada selendang, pakaian dan sebagainya. Hal ini menepati kepada objektif sebenar kajian iaitu terdapat tiga objektif antaranya ialah mengenal pasti motif bunga ketam guri. Seterusnya, untuk menghasilkan rekaan batik yang bermotifkan bunga ketam guri pada selendang menggunakan kaedah batik blok. Akhir sekali, untuk mendokumentasikan teknik penghasilan batik blok yang bermotifkan bunga ketam guri untuk golongan remaja dan

dewasa. Melalui kajian ini juga, pengkaji memartabatkan lagi warisan turun temurun iaitu batik kepada generasi sekarang. Seterusnya dapat memperbanyakkan lagi penggunaan motif bunga ketam guri dalam pemakaian batik selain selendang. Seterusnya dapat memperkenalkan lebih mendalam lagi motif bunga ketam guri ini kepada generasi sekarang dan generasi akan datang.

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka, selendang merupakan pakaian yang dijadikan sebagai penutup kepala. Selendang ini juga boleh dijadikan pemakaian ketika majlis perkahwinan. Di samping itu juga, selendang turut dijadikan aksesori dan pelengkap gaya harian contohnya dipakai pada leher di kawasan sejuk. Selain itu, selendang ini boleh digayakan ketika bercuti dan merupakan *trend* masa kini dengan pelbagai cara secara kreatif.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan merupakan sebarang bentuk perkara yang menghalang sesuatu daripada terjadi dan berjalan seperti sedia kala. Dengan adanya beberapa permasalahan yang timbul akan menyebabkan kegagalan dalam melakukan sesuatu yang ingin dikaji dengan baik.

Menurut Nor Azmi Ismail (2020), “Bagi Bunga Ketam Guri, motifnya banyak digunakan dalam pembinaan ukiran tempatan sejak zaman berzaman termasuk di istana”. Namun ianya begitu sesuai untuk diangkat sebagai satu identiti bagi Kelantan. Tetapi motif bunga ketam guri ini kurang digunakan atau kurang diaplikasikan pada rekaan batik. Oleh sebab itu, motif ini kurang mendapat sambutan kerana ianya hanya terserlah apabila warisan ini dijadikan sebagai rekaan batik pada selendang atau pemakaian batik yang lain.

Seterusnya permasalahan ini timbul kerana penggunaan motif bunga ketam guri ini kurang dikenali dan kurang mendapat sambutan daripada generasi kini. Hal ini kerana ianya kurang diterapkan dalam pemakaian batik. Oleh itu, generasi sekarang kurang berpengetahuan dalam mengenal motif-motif warisan zaman berzaman. Hal ini demikian, pengkaji mengambil peluang ini untuk

mengkaji lebih mendalam tentang motif bunga ketam guri dan mengaplikasikan pada selendang agar dapat memartabatkan lagi dan meningkatkan pengetahuan generasi sekarang mengenai motif-motif batik terutamanya motif bunga ketam guri ini.

Kurangnya penghasilan produk batik dengan menggunakan motif bunga ketam guri ini menyebabkan golongan remaja dan dewasa kurang mengetahui motif-motif batik warisan. Jadi, pengkaji ingin memperkenalkan secara lebih mendalam motif bunga ketam guri pada generasi sekarang melalui rekaan corak pada selendang. Di samping itu juga, pengkaji menghasilkan motif yang cantik dan menarik dengan menggunakan motif bunga ketam guri. Hal ini kerana, citarasa golongan muda pada masa kini, mereka inginkan motif dan rekaan yang ringkas dan menarik. Oleh itu, pengkaji menjadikan selendang sebagai produk untuk mengaplikasikan motif bunga ketam guri. Pengkaji memilih selendang kerana sesuai untuk remaja dan dewasa terutamanya pada wanita. Selendang ini dipilih kerana ianya adalah satu *trend* masa kini dengan pelbagai cara yang kreatif apabila golongan wanita memakainya. Di samping itu, penghasilan selendang ini dapat menarik lagi minat mereka untuk memakai batik yang sebelum ini mereka kurang memakai pemakaian batik.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

- i. Kurangnya penggunaan motif bunga ketam guri ke atas rekaan batik.
- ii. Penggunaan motif bunga ketam guri kurang dikenali dan tidak mendapat sambutan daripada generasi kini.
- iii. Penggunaan motif bunga ketam guri terhad kepada ukiran bangunan lama dan istana sahaja.

1.4 TUJUAN PENYELIDIKAN

1.4.1 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah merupakan tujuan atau matlamat pengkaji untuk memastikan kajian yang dilakukan menepati tujuan asal kajian. Dalam penyelidikan ini terdapat tiga objektif yang perlu dicapai iaitu:-

- i. Untuk mengenal pasti motif bunga ketam guri.
- ii. Untuk menghasilkan rekaan batik yang bermotifkan bunga ketam guri pada selendang menggunakan kaedah batik blok.
- iii. Untuk mendokumentasikan teknik penghasilan batik blok yang bermotifkan bunga ketam guri untuk golongan remaja dan dewasa.

1.4.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah merupakan pertanyaan atau tanda tanya bagi sesuatu perkara berdasarkan masalah dan tujuan dalam menjalankan sesuatu kajian agar permasalahan yang dialami dapat diselesaikan serta tujuan untuk menjalankan sesuatu kajian tercapai dengan jayanya dan dapat dirujuk sebaik mungkin pada masa akan datang. Antara persoalan yang terdapat semasa proses menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah motif bunga ketam guri yang boleh digunakan untuk menghasilkan reka corak pada selendang?
- ii. Bagaimanakah cara pengaplikasian motif bunga ketam guri yang menggunakan kaedah batik blok?
- iii. Siapakah sasaran untuk motif bunga ketam guri yang dihasilkan pada selendang?

1.5 SKOP KAJIAN

- i. Kajian ini menfokuskan kepada aplikasi motif bunga ketam guri pada selendang dengan menggunakan kaedah batik blok. Seterusnya menghasilkan rekaan batik yang bermotifkan bunga ketam guri pada selendang dengan menggunakan kaedah batik blok. Seterusnya, untuk mendokumentasikan teknik penghasilan batik blok yang bermotifkan bunga ketam guri untuk golongan remaja dan dewasa. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji bagaimana proses untuk menghasilkan selendang dengan mengaplikasikan motif bunga ketam guri dengan menggunakan kaedah batik blok dengan beberapa teknik batik. Kajian ini juga tetumpu kepada golongan remaja dan dewasa dalam menarik minat mereka untuk menggayakan batik dengan selendang.
- ii. Sasaran pengguna yang difokuskan adalah golongan perempuan remaja dan dewasa.

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

- i. Pelbagai motif corak daripada *subjek matter* bunga ketam guri dapat diolah pada selendang.
- ii. Mengetahui teknik blok untuk menghasilkan motif ketam guri pada selendang.
- iii. Fesyen selendang dapat dijadikan sebagai produk untuk menghasilkan batik.

1.7 ISTILAH DALAM KAJIAN

1.7.1 Aplikasi

Menurut Kamus Dewan Edisi Ke 4, aplikasi bermaksud kegunaan (pada praktikalnya)

1.7.2 Motif

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, motif merupakan sesuatu yang dijadikan dasar atau corak pada lukisan (lukisan dan lain-lain). Ia juga merupakan sebab yang mendorong seseorang melakukan sesuatu.

Motif juga merupakan corak yang dijadikan sebagai gambaran pada kain batik. Ia merupakan kesatuan di antara garisan, titik dan juga bentuk seperti tiga segi, petak dan sebagainya yang digabungkan untuk mewujudkan batik dengan keseluruhan. (Hadi Nugroho, 2020).

1.7.3 Batik

Batik adalah salah satu produk kraf tangan yang berasaskan tekstil. Menurut Kamus Dewan Edisi ke 4, batik merupakan kain yang bercorak (dilukis atau diterap dan dicelup).

1.7.4 Batik Blok

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Keempat, Batik Blok merupakan Batik Terap atau Batik Pukul yang menggunakan kayu atau tembaga untuk mengecap kain. Ia merupakan proses penerapan lilin dan penerapan warna.

1.7.5 Selendang

Menurut sumber dari Kamus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, selendang merupakan kain panjang untuk menutup kepala (leher, bahu).

1.8 MANFAAT KAJIAN

- Kajian ini dapat meningkatkan lagi penggunaan motif bunga ketam guri pada reka corak batik.
- Kajian ini dapat memperluaskan lagi motif tradisional dan warisan ini supaya tidak terus dilupakan.
- Kajian ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan pengkaji tentang batik.
- Kajian ini dapat menarik masyarakat untuk mencintai batik dengan cara memakai pemakaian batik.
- Motif bunga ketam guri tidak akan dilupakan sekiranya motif tersebut diaplikasikan ke dalam batik.

BAB 2

KAJIAN PUSTAKA

2.0 PENGENALAN

Sorotan kajian atau kajian literature bermaksud kajian terdahulu yang digunapakai menjadi sebagai rujukan tambahan oleh pengkaji semasa kajian mereka dijalankan. Menurut Bryman dan Bell 2003; Creswell (2005), sorotan kajian ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam kepustakaan atau literature berkenaan topik atau fokus soalan kajian penyelidikan. Sorotan iaitu menghurai, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih. Selain itu juga, menurut Sufia Muhd Alwi (2018), sorotan kajian adalah fakta yang menyokong sesuatu objektif yang membuktikan teori yang digunakan itu adalah benar. Kajian lampau atau terdahulu menjadi teladan yang baik buat pengkaji kerana di dalamnya sudah terdapat isi kandungan yang sesuai dibuat rujukan dan panduan untuk melakukan kajian yang baru. Hal ini juga, kajian yang terdahulu dapat membantu pengkaji baru untuk melaksanakan kajian agar lebih sistematik, mudah, relevan dan mencapai objektif.

Membatik merupakan salah satu kesinambungan-kesinambungan warisan tradisi hingga sekarang. Kewujudannya masih dikaji oleh sejarawan seni. Dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga mencatatkan maksud secara ringkas mengenai 'batik' bermaksud kain yang bercorak, (dilukis atau diterap lilin dan dicelup). Perkataan 'tik' bermaksud 'titik yang asalnya berbunyi berdetik atau 'tik-tik'.

Batik merupakan identiti budaya yang harus disambut di samping mengembangkan lagi penggunaan motif motif sebagai warisan budaya.

2.1 ULASAN LITERATURE

- Pengertian batik secara etimologis didefinisikan sebagai menitikkan lilin dengan canting sehingga membentuk corak yang terdiri atas susunan titik dan garis. Batik juga dipanggil sebagai sesuatu hasil penggambaran corak di atas kain dengan menggunakan canting. Hal ini bermaksud teknik batik adalah satu cara penerapan corak di atas kain melalui proses celup warna. (Nian, 1997:14)
- Batik adalah teknik celup yang menggunakan lilin untuk menghasilkan warna dan pola batik. (Sentosa, 2002: 1). Batik adalah lukisan atau gambar pada kain yang dibuat menggunakan alat bernama *canting*. Orang melukis dengan canting disebut membatik (Hamsuri, 1985: IV).
- Kata ‘batik’ berasal dari kata dalam bahasa Jawa iaitu ‘*amba*’ yang bererti ‘menulis’ dan ‘titik’ yang mempunyai maksud ‘titik’. Pembuatan batik sebahagian dari tulisan tersebut yang berupa titik dan titis. Diketahui bahawa dalam proses membuat kain batik dilakukan pula penitisan lilin di atas kain putih. (Herry, 2013: 6-7).
- Batik dalam pengertian dari segi pembuatan adalah bahan kain yang dibuat dengan dua cara iaitu yang pertama ialah bahan kain yang dibuat dengan teknik pewarnaan kain yang menggunakan lilin untuk mencegah pewarnaan sebahagian dari kain atau sering disebut *wax-resist dyeing*. Kedua, bahan kain atau busana yang dibuat dengan teknik pewarnaan yang menggunakan motif-motif tertentu yang sudah lazim atau mempunyai ciri khas sesuai dengan karakter masing-masing pembuatnya (Herry, 2013:7).
- Menurut Mikke Susanto dalam buku Diksi Rupa mengatakan bahawa motif adalah pola, corak, dan ragam, (2002: 75). Motif terdiri daripada bentuk atau objek, skala atau kedudukan. Motif memainkan peranan yang penting untuk membentuk sesuatu pola. Motif ini mengalami proses penyusunan dan diterapkan secara berulang-ulang sehingga membentuk sesebuah pola. Pola inilah yang akan diterapkan pada kain untuk menjadi sebuah corak, (Setiati, 2008:43).
- Menurut (Mohd Razaimi, 2020), ia menceritakan mengenai motif alam flora dalam seni ukiran logam halus Kelantan. Kehidupan tradisi masyarakat Melayu

amat berpengaruh dengan alam. Hubungan erat antara masyarakat Melayu dengan alam persekitaran mereka telah membentuk satu pengaruh unik khususnya penggunaan unsur alam sebagai motif dalam aspek kesenian dan kebudayaan Melayu.

- Menurut (Mohd Sazali Mohd Yusop, 2019), Blok batik atau blok batik tembaga sinonim dengan kerja-kerja membatik. Bermula daripada blok batik tembaga sebagai pembatik kini inovasi blok batik tembaga sebagai kraf hiasan. Penelitian difokuskan kepada perubahan iaitu inovasi yang berlaku ke atas blok batik yang menjadi kraf hiasan selain fungsi asalnya sebagai pembuat corak batik.

- Menurut buku (Haziyah Hussin, 2006), berjudul “Motif Alam Dalam Batik” yang ditulis oleh Haziyah Hussin, buku ini merangkumi satu kajian yang menyeluruh mengenai motif batik di antara tahun 1900 sehingga tahun 1999. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa motif tumbuh-tumbuhan merupakan motif yang paling banyak dihasilkan.

- Menurut (Tenas Effendy, 2009), ia membincangkan tentang perkaitan motif-motif dengan keperibadian masyarakat Melayu. Menurut beliau, motif ini akan digunakan sebagai lambang-lambang tertentu yang sarat dengan makna.

- Menurut (Nor Azmi Ismail, 2020), memaklumkan Kraftangan Malaysia dalam usaha mengazetkan motif batik tempatan mengikut identiti negeri masing-masing. Di Kelantan khasnya yang begitu sinonim sebagai lokasi penghasilan batik di Malaysia kini dalam proses untuk mengazetkan Bunga Ketam Guri dan Bunga Telang sebagai identiti kerana kedua-duanya begitu sinonim dengan negeri berkenaan.

MALAYSIA

KELANTAN

2.2 RUMUSAN KAJIAN PUSTAKA

Di dalam bab 2, membincangkan mengenai kajian literature ataupun kajian terdahulu yang telah digunakan oleh pengkaji sebagai bahan rujukan dalam menyiapkan kajian yang dijalankan ini. Terdapat pelbagai jenis rujukan kajian terdahulu yang boleh dijadikan sebagai panduan utama dalam merealisasikan idea terhadap sesuatu kajian yang baru. Hal ini dapat membantu pengkaji menambahkan maklumat, pengetahuan, dan bahan bacaan. Pengkaji telah mengunjungi perpustakaan awam dan perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk mendapatkan maklumat.

Motif bunga ketam guri merupakan motif-motif yang lain yang mempunyai corak dan nilai tersendiri dan tinggi dan bersesuaian untuk membuat sebuah rekaan batik pada selendang. Reka corak dan penyusunan yang menarik pada selendang atau kain akan menghasilkan batik yang menarik di mata masyarakat. Setelah membuat kajian terdahulu, jelaslah bahawa motif-motif batik mempunyai banyak maklumat yang dapat dikaitkan dengan pemakaian batik.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI

3.0 PENGENALAN

Metodologi bermaksud langkah, cara, kaedah serta kajian yang digunakan oleh seseorang individu yang ingin menjalankan sesuatu kajian supaya matlamat, tujuan atau objektif itu tercapai. Metodologi yang dijalankan ini juga adalah bertujuan supaya kajian yang dilaksanakan akan lebih terperinci dan sistematik supaya menepati keseluruhan tujuan kajian yang sepatutnya. Menurut Muhammad Fahmi (2012), metodologi ini juga bertujuan untuk memastikan kajian ini berhasil dan sah tanpa usul rekaan semata-mata. Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Metodologi kajian ini adalah mengenai aplikasi motif bunga ketam guri pada fesyen selendang menggunakan kaedah batik blok.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, mengatakan bahawa metodologi ini membawa maksud sistem yang merangkumi prinsip yang digunakan dalam sesuatu kajian. Selain itu, metodologi juga akan membincangkan mengenai permasalahan yang timbul berkaitan tajuk kajian serta faktor sesuatu kaedah tertentu yang diguna pakai semasa proses kerja lapangan berlangsung. Kaedah metodologi itu terbahagi kepada dua, iaitu kaedah primer dan kaedah sekunder. Kaedah sekunder ialah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperolehi daripada media massa iaitu melalui pembacaan buku-buku rujukan, majalah, tesis, jurnal dan internet.

Kajian ini dijalankan dengan kaedah yang teratur dan tersusun secara lebih terperinci dan berperingkat agar setiap maklumat yang diperolehi melalui kajian tersebut benar dan sah. Antara kaedah yang boleh digunakan dalam metodologi adalah dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif.

a) Kaedah kualitatif merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat secara lebih terperinci. Kaedah ini merupakan satu kajian penyelidikan di mana pengkaji bergantung kepada pandangan masyarakat atau prospek. Melalui kaedah ini, pengkaji akan membuat tinjauan kepada masyarakat terutamanya golongan wanita remaja dan juga dewasa. Pengkaji akan menanyakan soalan berkaitan dengan kajian, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada peserta.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Kamidin Tiwi (2017), reka bentuk kajian bermaksud kepada bagaimana cara atau langkah pengkaji menjalankan kajian, teknik atau strategi yang digunakan. Melalui reka bentuk kajian ini, rancangan awal dapat dilakukan. Selain itu juga, reka bentuk kajian ini juga ditentukan tujuan kajian yang dibuat. Menurut Sabitha (2006), reka bentuk kajian juga boleh didefinisikan sebagai tingkah laku yang dilihat secara jelas yang melibatkan cara sesuatu kajian yang dijalankan.

Kajian ini dibuat untuk mengaplikasikan motif bunga ketam guri pada selendang dengan menggunakan kaedah batik blok. Teknik batik blok digunakan dalam menghasilkan corak motif bunga ketam guri tersebut pada pemakaian selendang wanita.

Data dan maklumat yang diperoleh dalam kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini dapat mengumpul maklumat dan data melalui hasil soal selidik, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah ini dipilih kerana sangat relevan untuk digunakan dan bersesuaian dengan tajuk kajian yang dikaji.

3.2 BATASAN KAJIAN

Batasan kajian had atau limit sesuatu kajian yang boleh dikaji. Batasan kajian ini dibuat adalah supaya bidang kajian yang ingin dikaji tidak terlalu luas dan hanya berfokus kepada perkara tertentu sahaja. Kajian ini menfokuskan tentang aplikasi motif bunga ketam guri pada pemakaian selendang wanita dengan menggunakan kaedah batik blok.

3.2.1 Batasan Umur

Dalam kajian ini, pengkaji telah menfokuskan kepada wanita. Kajian ini mensasarkan wanita yang lingkungan golongan muda dan juga dewasa yang berumur dalam 18 tahun hingga 40 tahun. Hal ini kerana, selendang kebanyakan dipakai oleh golongan remaja dan dewasa. Individu golongan muda sekarang tidak kira pelbagai tudung dipakai selagi corak yang dikenakan cantik dan menarik di mata mereka. Mereka boleh menggayakan selendang ini mengikut trend mereka sendiri. Pengkaji akan menghasilkan dan memainkan kombinasi warna bagi menarik minat mereka memakai batik seterusnya memartabatkan lagi motif batik dalam pemakaian batik.

3.3 KAEDAH KAJIAN

3.3.1 Kaedah Kajian Kualitatif

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian yang berbentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif ini sangat memainkan peranan yang penting bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dan pendapat daripada orang awam atau masyarakat sekeliling. Kaedah ini merupakan kaedah mengumpul data secara bertulis seperti buku dan jurnal serta membuat pemerhatian tertentu.

3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data tersebut, pengkaji telah menggunakan dua sumber bagi memastikan kajian ini dilakukan dengan sempurna. Antara sumber yang digunakan dalam kajian ini adalah sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer bermaksud sumber yang mempunyai data sah atau asli dan diperolehi sendiri oleh seseorang pengkaji iaitu melalui pemerhatian, temubual dan juga kaedah soal selidik. Seterusnya, sumber sekunder pula merupakan sumber yang melibatkan dengan bahan rujukan seperti maklumat yang diperolehi daripada sumber internet, buku-buku, jurnal-jurnal, tesis-tesis dan sebagainya.

3.4.1 Data Primer

Pemerhatian

Pemerhatian dibuat dengan melihat rekaan corak batik atau motif batik yang sedia ada di pasaran dan juga di kilang-kilang atau syarikat batik melalui internet. Selain itu juga, pemerhatian juga dibuat dengan melihat rekaan pakaian yang bermotifkan bunga ketam guri dan motif motif bunga yang lain yang ada pada rekaan fesyen pakaian melalui pertunjukan fesyen dan pereka untuk melihat kaedah pembuatan batik. Seterusnya, pemerhatian juga dilakukan di bangunan-bangunan lama untuk melihat corak yang diukir pada bangunan tersebut. Di samping itu juga, pengkaji mengenal pasti warna-warna yang sering digunakan dan sesuai untuk trend sekarang.

Kajian Lapangan

Kajian ini dilakukan di Syarikat Batik Ruzzgahara iaitu kilang batik di Kelantan semasa melakukan produk akhir kajian ini. Pengkaji perlu menyiapkan produk akhir ini mengikut tempoh atau masa yang telah ditetapkan oleh Universiti Malaysia Kelantan. Produk yang akan dihasilkan ialah motif bunga ketam guri pada fesyen selendang wanita dengan menggunakan kaedah batik blok. Lakaran motif bunga ketam guri ini diolah bagi menghasilkan reka corak

untuk diletakkan pada selendang. Seterusnya, pengkaji akan menghasilkan dua buah blok batik yang berasaskan motif bunga ketam guri. Selanjutnya, di kajian lapangan juga, pengkaji akan menjalankan proses mengecop dengan menggunakan batik blok sesuai dengan perletakan reka corak yang diinginkan. Selesai memblok, proses seterusnya adalah mewarna. Semua proses penghasilan batik ini dijalankan di Kilang Ruzzgahara sehingga pengkaji menyiapkan dengan sempurna.

3.4.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder boleh didefinisikan sebagai data yang diperolehi daripada sumber rujukan untuk menyokong maklumat-maklumat kajian. Sumber-sumber sekunder yang diguna oleh pengkaji iaitu sumber daripada buku-buku, tesis-tesis, akhbar, sumber internet, artikel, majalah dan juga sumber perpustakaan.


3.5 KAEDAH KUALITATIF

Kaedah kualitatif merupakan salah satu kaedah pengkajian melalui pengumpulan data dan maklumat yang bersifat kualitatif. Menurut Merriam Courtney, Baungatner (2003), maklumat ini kebiasaannya akan diperolehi dengan langkah pemerhatian, temubual, analisis data dan banyak lagi bagi mendapatkan sebarang maklumat dan data yang lengkap dalam sesuatu kajian.

KAEDAH KUALITATIF



DATA SKUNDER



Rajah 3.5: Kerangka Kajian Kualitatif

3.5.1 Kaedah Internet

Internet juga merupakan salah satu kaedah yang membolehkan pengkaji mendapatkan sebarang maklumat. Pengkaji telah menggunakan sumber ini untuk mendapatkan idea dan data yang berkaitan dengan kajian. Terdapat banyak maklumat yang dapat pengkaji peroleh melalui laman sesawang. Pengkaji mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan motif ketam guri dan juga proses batik blok seterusnya definisi atau maksud yang diperlukan dalam kajian ini dengan cara melayari internet. Selain itu juga, pengkaji telah mendapatkan maklumat berkaitan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh tokoh-tokoh bagi mendapatkan maklumat dan info yang lebih tepat dan relevan.

3.5.2 Kaedah Perpustakaan

Pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan bagi mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber perpustakaan. Kaedah ini dapat membantu seseorang pengkaji mencari dan mengumpulkan bahan-bahan

yang berkaitan dengan kajian melalui carian dalam buku, majalah, jurnal, ensiklopedia dan juga artikel. Pengkaji juga membuat kaedah perpustakaan dengan membuat pembacaan ilmiah tentang perkembangan batik masa kini, berkaitan motif dan corak serta kaedah batik blok yang digunakan dengan lebih teliti untuk memudahkan pengkaji menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Pengkaji telah pergi ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk mencari bahan rujukan dan tesis yang terdahulu untuk dijadikan referen dalam mewujudkan idea baru.

3.5.3 Kajian Dokumentasi

Kesemua data yang telah dicari mestilah dikumpulkan dan direkodkan untuk tujuan analisa. Setelah mengumpulkan kesemua data melalui hasil dapatan kajian, huraian perlu dilakukan mengenai maklumat yang telah diperolehi. Kajian ini dimulakan dengan kajian terhadap bahan-bahan yang pernah diterbitkan. Antaranya seperti mengumpulkan sumber maklumat daripada bahan rujukan seperti buku daripada perpustakaan awam dan perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Seterusnya, daripada sumber internet bertujuan mendapatkan dan menambah maklumat untuk perkembangan idea.

CARA CARA DATA TERSEBUT DIKUMPUL

DATA BERBENTUK :	LOKASI	TEKNIK/CARA MEREKOD DATA
Motif bunga ketam guri	Buku / dokumen bercetak Daripada perpustakaan awam dan perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan	Membaca dan mengambil gambar

Sejarah batik	Buku / dokumen bercetak daripada perpustakaan awam dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan	Membaca dan mengambil gambar
---------------	--	------------------------------

Rajah 3.5.3: Cara Pengumpulan Data

3.5.4 Instrumen Untuk Memperoleh Data

JENIS-JENIS DATA YANG DIPERLUKAN	INSTRUMEN / ALAT
a) Gambar-gambar motif tenunan	Kamera dan laman sesawang
b) Pendapat pakar / ahli	Buku catatan dan rujukan dari tesis terdahulu
c) Soal selidik	Tinjauan untuk mendapatkan pandangan masyarakat iaitu remaja dan dewasa golongan wanita

Rajah 3.5.4 Instrumen Untuk Memperoleh Data

Contoh Soal Selidik

BAHAGIAN A

JANTINA:

<input type="checkbox"/>	PEREMPUAN
<input type="checkbox"/>	LELAKI

UMUR:

<input type="checkbox"/>	18-30 TAHUN
<input type="checkbox"/>	31-40 TAHUN

BANGSA:

<input type="checkbox"/>	MELAYU
<input type="checkbox"/>	CINA
<input type="checkbox"/>	INDIA
<input type="checkbox"/>	LAIN-LAIN

AGAMA:

<input type="checkbox"/>	ISLAM
<input type="checkbox"/>	BUDDHA
<input type="checkbox"/>	HINDU
<input type="checkbox"/>	LAIN-LAIN

BAHAGIAN B:

1. ADAKAH ANDA MENGENALI BATIK YANG BERMOTIFKAN BUNGA KETAM GURI?

	YA
	TIDAK

2. ADAKAH PEMAKAIAN BATIK PADA ZAMAN SEKARANG MASIH RELEVAN?

	YA
	TIDAK

3. ADAKAH ANDA MENYOKONG BAHAWA BATIK MOTIF BUNGA KETAM GURI INI PATUT DIKEMBANGKAN DAN DIPROMOSI LAGI?

	YA
	TIDAK

4. ADAKAH ANDA BERMINAT DENGAN PEMAKAIAN BATIK?

	YA
	TIDAK

5. ADAKAH ANDA SETUJU BAHAWA REKAAN CORAK MOTIF INI BOLEH DIAPLIKASIKAN PADA SELENDANG?

	YA
	TIDAK

6. ANTARA BATIK CANTING BATIK BLOK, YANG MANAKAH MENJADI PILIHAN ANDA?

	BATIK CANTING
	BATIK BLOK

7. ADAKAH MOTIF BUNGA KETAM GURI SESUAI DIJADIKAN REKA CORAK PADA BATIK?

	YA
	TIDAK

8. ADAKAH ANDA GEMAR MEMAKAI SELENDANG?

	YA
	TIDAK

9. APAKAH PILIHAN WARNA KEGEMARAN ANDA DALAM PEMAKAIAN SELENDANG?

<input type="checkbox"/>	PASTEL
<input type="checkbox"/>	CERAH
<input type="checkbox"/>	GELAP

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Dapatan kajian adalah merupakan satu proses dimana kesemua data dan maklumat hasil daripada menjalankan sesuatu kaedah kajian sebenar akan dikumpulkan bersama bagi meneliti tujuan asal kajian sama ada pemerhatian, temubual, soal selidik yang akan menjawab kepada objektif kajian yang sebenar. Oleh itu, syarat utama yang perlu ditekankan semasa proses menjalankan aktiviti memperoleh dapatan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian mestilah tepat dan teliti bagi menghasilkan maklumat yang sahih. (Kenali, 2003)

Oleh itu, dalam bab 4 ini, pengkaji akan menerangkan dapatan kajian hasil daripada kaedah kajian yang diperolehi. Bab ini akan menerangkan secara lebih terperinci mengenai data-data yang telah diperolehi semasa kajian lapangan dilakukan. Setiap hasil kajian ini merangkumi proses pemerhatian, soal selidik dan juga kajian lapangan.

4.1 ANALISA SOAL SELIDIK

Dalam kaedah soal selidik ini, pengkaji akan menghuraikan mengenai keputusan data yang diperolehi melalui pendapat dan pandangan masyarakat terutamanya golongan wanita remaja dan dewasa. Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada 20 Orang responden. Kajian telah dianalisis dengan menggunakan *google form*. Kesemua keputusan yang diperolehi telah direkodkan dan ditunjukkan dalam bentuk carta pai. Kesemua hasil yang diperolehi hasil kajian ini adalah berkait rapat dengan soalan rawak mengenai mengenai batik dan aplikasian motif bunga ketam guri pada pemakaian batik. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dengan bahagian B. Bahagian A ini terdiri daripada maklumat responden manakala bahagian B terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan motif bunga ketam guri yang diaplikasikan dalam pemakaian batik khususnya dalam pemakaian selendang.

4.2 ANALISA MAKLUMAT RESPONDEN


BIL	KATEGORI	KEKERAPAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
1.	Jantina :		
	Lelaki	1 orang	5%
	Perempuan	19 orang	95%
2.	Umur :		
	18-30 Tahun	17 orang	85%
	31-40 Tahun	3 orang	15%
3.	Bangsa :		
	Melayu	20 orang	100%
	Cina	Tiada	0%
	India	Tiada	0%
	Lain lain		
4.	Agama :		
	Islam	20 orang	100%
	Buddha	Tiada	0%
	Hindu	Tiada	0%

Rajah 4.2 Maklumat Responden

BAHAGIAN A: MAKLUMAT RESPONDEN

4.2.1. Jantina


JANTINA
20 responses



Gambar Rajah 4.2.1: Graf Peratusan Jantina Responden

Kajian ini melibatkan kedua-dua golongan iaitu lelaki dan perempuan. Kajian ini melibatkan 20 orang yang terdiri daripada 1 orang lelaki sebanyak 5 % manakala 19 orang perempuan sebanyak 95 %. Hal ini kajian ini banyak tertumpu kepada golongan wanita.


4.2.2 Umur



Gambar Rajah 4.2.2: Carta Peratusan Umur Responden

Kajian ini melibatkan 20 orang responden yang terdiri daripada umur 18 hingga 40 tahun. 85% (17 orang) responden yang berumur dalam lingkungan 18 tahun sehingga 30 tahun. Manakala, responden yang berumur 31 hingga 40 tahun yang memberi responden adalah sebanyak 15% (3 orang).

4.2.3 Bangsa




Gambar Rajah 4.2.3: Graf Peratusan Bangsa Responden

Gambar rajah 4.2.3 menunjukkan kategori bangsa responden. Kategori bangsa ini terdiri daripada Melayu sahaja. Kajian ini melibatkan 100 % iaitu 20 orang bangsa Melayu. Hal ini kerana lebih menfokuskan kepada orang melayu.

4.2.4 Agama

AGAMA
20 responses



Gambar Rajah 4.2.4: Agama Responden

Gambar rajah 4.2.4 menunjukkan kategori agama responden. Kategori agama ini terdiri daripada Islam sahaja. Kajian ini melibatkan 100 % iaitu 20 orang yang beragama Islam.


4.3 ANALISIS SOALAN MENGENAI MOTIF BUNGA KETAM GURI DALAM PEMAKAIAN SELENDANG

Soalan yang terdapat pada bahagian B ini adalah terdiri daripada 9 soalan yang berkaitan dengan motif bunga ketam guri dalam pemakaian selendang dan soalan tambahan mengenai batik. Responden perlu memilih jawapan 'Ya' atau 'Tidak' sahaja mengikut pilihan responden.

4.3.1 Adakah anda mengenali batik yang bermotifkan bunga ketam guri?

ADAKAH ANDA MENGENALI BATIK YANG BERMOTIFKAN BUNGA KETAM GURI?

20 responses




Gambar Rajah 4.3.1: Carta Peratusan Soalan 1

Berdasarkan soalan 1 iaitu ‘adakah anda mengenali batik yang bermotifkan bunga ketam guri?’ responden diberi 2 pilihan jawapan. Pilihan jawapan yang diberikan adalah ‘Ya’ atau ‘Tidak’. Hasil daripada tinjauan soalan tersebut, terdapat 35% yang memilih ‘Ya’ iaitu sebanyak 7 orang manakala sebanyak 65% iaitu 13 orang yang menjawab ‘Tidak’. Hal ini bermaksud ramai yang tidak mengenali motif bunga ketam guri.

4.3.1 Adakah anda mengenali batik yang bermotifkan bunga ketam guri?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan %	Orang
Adakah anda mengenali batik yang bermotifkan bunga ketam guri?	Ya	35	7
	Tidak	65	13
JUMLAH KESELURUHAN		20 ORANG	

4.3.2 Adakah pemakaian batik pada zaman sekarang masih relevan?



Gambar Rajah 4.3.2: Carta Peratusan Soalan 2


Berdasarkan soalan 2 iaitu ‘adakah pemakaian batik pada zaman sekarang masih relevan?’ Berdasarkan carta peratusan bagi soalan 2, terdapat 80 % bersamaan 18 orang yang memilih ‘Ya’ dan selebihnya 20 % iaitu sebanyak 2 orang yang memilih ‘Tidak’.

4.3.2 Adakah pemakaian batik pada zaman sekarang masih relevan?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan %	Orang
Adakah pemakaian batik pada zaman sekarang masih relevan?	Ya	80	18
	Tidak	20	2
JUMLAH KESELURUHAN		20 ORANG	

4.3.3 Adakah anda menyokong bahawa batik motif bunga ketam guri ini patut dikembangkan dan promosi lagi?

ADAKAH ANDA MENYOKONG BAHAWA BATIK MOTIF BUNGA KETAM GURI INI PATUT DIKEMBANGKAN DAN DIPROMOSI LAGI?
20 responses



Rajah 4.3.3 Carta Peratusan Soalan 3

Gambar rajah 4.3.3 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 3 iaitu ‘adakah anda menyokong bahawa batik motif bunga ketam guri ini patut dikembangkan dan dipromosi lagi?’. Pada soalan ini, responden yang menjawab ‘Ya’ adalah sebanyak 90% (19 orang) manakala yang memilih jawapan tidak sebanyak 10% (1 orang) sahaja.


4.3.3 Adakah anda menyokong bahawa batik motif bunga ketam guri ini patut dikembangkan dan dipromosi lagi?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan %	Orang
Adakah anda menyokong bahawa batik motif bunga ketam guri ini patut dikembangkan dan dipromosi lagi?	Ya	90	19
	Tidak	10	1
JUMLAH KESELURUHAN		20 ORANG	

4.3.4 Adakah anda berminat dengan pemakaian batik?

ADAKAH ANDA BERMINAT DENGAN PEMAKAIAN BATIK?

20 responses



Rajah 4.3.4 Carta Peratusan Soalan 4


Gambar rajah 4.3.4 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 4 iaitu ‘adakah anda berminat dengan pemakaian batik?’. Pada soalan ini, seramai 65% (13 orang) yang menjawab “Ya” manakala sebanyak 35% (7 orang) yang menjawab ‘Tidak’. Daripada hasil carta ini, hal ini menunjukkan ramai lagi yang masih yang berminat dengan pemakaian batik.

4.3.3 Adakah anda berminat dengan pemakaian batik?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan	Orang
		%	
Adakah anda berminat dengan pemakaian batik?	Ya	65	13
	Tidak	35	7
JUMLAH KESELURUHAN		20 ORANG	

4.3.5 Adakah anda setuju bahawa rekaan corak motif ini boleh diaplikasikan kepada selendang?

ADAKAH ANDA SETUJU BAHAWA REKAAN CORAK MOTIF INI BOLEH DIAPLIKASIKAN KEPADA SELENDANG?
20 responses



Rajah 4.3.5 Carta Peratusan Soalan 5


Gambar rajah 4.3.5 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 5 iaitu ‘adakah anda setuju bahawa rekaan motif ini boleh diaplikasikan kepada selendang?’. Bagi soalan ini, seramai 90% yang memilih ‘Ya’ iaitu seramai 19 orang manakala hanya 10% iaitu 1 orang sahaja yang memilih ‘Tidak’. Hal ini menunjukkan ramai yang bersetuju bahawa rekaan motif bunga ketam guri ini boleh diaplikasikan kepada selendang.

4.3.5 Adakah anda setuju bahawa rekaan corak motif ini boleh diaplikasikan kepada selendang?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan %	Orang
Adakah anda setuju bahawa rekaan corak motif ini boleh diaplikasikan kepada selendang?	Ya	90	19
	Tidak	10	1
JUMLAH KESELURUHAN		20 ORANG	

4.3.6 Antara batik canting dan blok, yang manakah menjadi pilihan anda?

ANTARA BATIK CANTING DAN BATIK BLOK, YANG MANAKAH MENJADI PILIHAN ANDA?
20 responses



Rajah 4.3.6 Carta Peratusan Soalan 6

Gambar rajah 4.3.6 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 6 iaitu ‘antara batik canting dan batik blok, yang manakah pilihan anda?’ Pada soalan ini, responden perlu memilih antara batik blok ataupun batik canting yang menjadi pilihan mereka. Hasil menunjukkan sebanyak 70% (17 orang) yang memilih batik blok manakala sebanyak 30% (3 orang) yang memilih batik canting.


4.3.6 Antara batik canting dan blok, yang manakah menjadi pilihan anda?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan %	Orang
Antara batik canting dan blok, yang manakah menjadi pilihan anda?	Ya	70	17
	Tidak	30	3
JUMLAH KESELURUHAN		20 ORANG	

4.3.7 Adakah motif bunga ketam guri sesuai dijadikan reka corak pada batik?

ADAKAH MOTIF BUNGA KETAM GURI SESUAI DIJADIKAN REKA CORAK PADA BATIK?

20 responses



Rajah 4.3.7 Carta Peratusan Soalan 7


Gambar rajah 4.3.7 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 7 iaitu ‘adakah motif bunga ketam guri sesuai dijadikan reka corak pada batik?. Pada soalan ini, responden lebih banyak memilih ‘Ya’ iaitu sebanyak 90% (19 orang) dan selebihnya memilih ‘Tidak’ iaitu sebanyak 10% (1 orang sahaja).

4.3.7 Adakah motif bunga ketam guri sesuai dijadikan reka corak pada batik?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan %	Orang
Adakah motif bunga ketam guri sesuai dijadikan reka corak pada batik?	Ya	90	19
	Tidak	10	1
JUMLAH KESELURUHAN		20 ORANG	

4.3.8 Adakah anda gemar memakai selendang?

ADAKAH ANDA GEMAR MEMAKAI SELENDANG?
20 responses



Rajah 4.3.8 Carta Peratusan Soalan 8


Gambar rajah 4.2.8 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 8 iaitu ‘adakah anda gemar memakai selendang?’. Pada soalan ini, hasil menunjukkan sebanyak 85% (17 orang) yang memilih ‘Ya’ manakala sebanyak 15% (3 orang) yang memilih ‘Tidak’.

4.3.8 Adakah anda gemar memakai selendang?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan %	Orang
Adakah anda gemar memakai selendang?	Ya	85	17
	Tidak	15	3
JUMLAH KESELURUHAN		20 ORANG	

4.3.9 Apakah pilihan warna kegemaran anda dalam pemakaian selendang?

APAKAH PILIHAN WARNA KEGEMARAN ANDA DALAM PEMAKAIAAN SELENDANG?
20 responses



Rajah 4.3.9 Carta Peratusan Soalan 9

Rajah 4.3.9 menunjukkan peratusan bagi soalan 9 iaitu ‘apakah pilihan warna kegemaran anda dalam pemakaian selendang?’. Pada soalan ini, responden diberi 3 pilihan iaitu warna pastel, warna cerah dan warna gelap mengikut citarasa masing-masing. Hasil soal selidik mendapati sebanyak 20% (3 orang) yang memilih warna cerah. Manakala, sebanyak 25% (5 orang) yang memilih warna gelap. Seterusnya sebanyak 55% (11 orang) yang memilih warna pastel bagi warna kegemaran mereka. Hal ini menunjukkan warna pastel menjadi pilihan pertama dan paling menjadi kesukaan ramai.

4.3.9 Apakah pilihan warna kegemaran anda dalam pemakaian selendang?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan %	Orang
Adakah anda gemar memakai selendang?	Pastel	55	11
	Cerah	20	3
	Gelap	25	5
JUMLAH KESELURUHAN		20 RANG	

4.4 HASIL TEMUBUAL

Temubual yang dijalankan oleh pengkaji adalah secara tidak formal. Pengkaji bertanyakan pandangan dan persepsi orang sekeliling mengenai produk atau selendang yang telah disiapkan. Responden yang ditemubual semasa penyelidikan dilakukan adalah sekitar tempat kajian lapangan dan di rumah iaitu beberapa pelajar perempuan dan juga ahli keluarga. Kaedah temubual ini dapat membantu pengkaji agar dapat berkomunikasi secara langsung dengan responden. Dalam temubual ini, pengkaji berpeluang untuk memperoleh pendapat tentang citarasa masing-masing terhadap rekaan corak batik yang menggunakan motif bunga ketam guri pada selendang. Daripada hasil ini, ternyata masing-masing mempunyai citarasa tersendiri dan mereka hanya diberi peluang untuk memilih lima selendang yang paling menarik hati mereka.

4.4.1 Pernyataan Pereka

Kajian ini adalah mengenai motif Bunga Ketam Guri. Pengkaji telah menghasilkan reka corak yang menggunakan motif bunga ketam guri pada selendang dengan menggunakan kaedah batik blok. Pengkaji menghasilkan lima reka corak pada selendang dengan menggunakan dua blok yang dihasilkan berdasarkan motif yang dipilih iaitu motif bunga ketam guri.

4.4.2 Motif Reka Corak

Rekaan corak atau motif adalah benda atau asas utama dalam menghasilkan sesuatu karya seni terutamanya di dalam penghasilan selendang batik ini. Tanpa rekaan corak ataupun lakaran corak, batik tidak dapat terhasil dengan sempurna. Hal ini demikian kerana motif amat memainkan peranan yang penting dalam menentukan selendang yang berasaskan batik dihasilkan cantik atau pun tidak. Membuat corak dan rekaan ini juga mengikut kreativiti artistik yang dapat memenuhi keperluan domain, kognitif, psikomotor dan alektif. Corak adalah merupakan susunan motif sama ada secara teratur, terancang, atau

tidak terancang. Corak juga boleh terbentuk daripada bukan motif. Pembahagian corak ini pula adalah untuk mewujudkan kesan tampak yang berbeza dan memerlukan kemahiran, kesedaran dan pengetahuan seni untuk menghasilkannya.

Motif reka corak yang pengkaji gunakan ialah motif bunga ketam guri. Pengkaji telah mengolah beberapa reka corak motif bunga ketam guri untuk dijadikan corak pada selendang.

Menurut Adry (2011), pokok ketam guri merupakan tumbuhan yang biasa dijumpai tumbuh secara meliar di kawasan padang, tempat yang terbuka dan kawasan terbiar. Pokok ini juga dikenali dengan nama getang guri, segar guri dan jerun jantan. Pokok ketam guri dikatakan boleh digunakan untuk merawat masalah diabetes. Ia juga mempunyai sifat anti bakteria dan anti fungus. Menurut Adry (2011), motif Bunga Ketam Guri ini melibatkan orang yang minat dalam bidang seni ukiran dan batik. Menurut Azmi Ismail (2020), bagi Bunga Ketam Guri, motifnya banyak digunakan dalam pembinaan ukiran tempatan sejak zaman berzaman termasuk di istana. Ia begitu sesuai untuk diangkat sebagai satu identiti bagi Kelantan. Menurut Rosli Yaakob (2021), Kraftangan Malaysia dalam proses mewartakan motif yang sinonim dengan negeri Kelantan iaitu Bunga Ketam Guri sebagai identiti batik Kelantan di bawah Petunjuk Geografi (GI).

4.5 REKAAN CORAK MOTIF






Rajah 4.3 Rekaan corak motif

4.6 PROSES PERLETAKAN REKA CORAK MOTIF PADA SELENDANG


REKA CORAK 1




REKA CORAK 2



REKA CORAK 3




REKA CORAK 4



REKA CORAK 5




REKA CORAK 6



4.6 Gambar menunjukkan lukisan reka corak pada ukuran selendang


Proses untuk menyiapkan reka corak merupakan proses terpenting bagi pengkaji sebelum menghasilkan produk. Proses perletakan reka corak motif bunga ketam guri ini dihasilkan menggunakan aplikasi *Adobe Illustrator (AI)*. Contoh reka corak ini dilakukan untuk memudahkan atau membantu pengkaji supaya dapat menghasilkan reka corak yang betul dan mengikut saiz produk yang sebenar.



Rajah 4.6.1 Penggunaan Aplikasi Adobe Illustrator (AI)

4.7 Warna


REKA CORAK 1




REKA CORAK 2




REKA CORAK 3




REKA CORAK 4



REKA CORAK 5



REKA CORAK 6



KELANTAN

REKA CORAK 7



Penggunaan warna dalam menghasilkan produk-produk ini adalah berdasarkan pemilihan daripada warna-warna yang menjadi pilihan ramai dan mengikut trend terkini berdasarkan kaji selidik yang dibuat. Mereka memilih warna pastel, cerah dan juga gelap. Pemilihan warna ini selari dengan persepsi dan pandangan golongan wanita. Wanita suka akan warna yang pastel yang mempamerkan kelembutan. Warna yang digunakan oleh pengkaji disebut sebagai warna primer bagi warna biru, dan kuning. Warna yang digunakan pengkaji juga adalah terhasil daripada campuran warna asas iaitu disebut sebagai warna sekunder. Untuk mendapatkan hasil warna seperti yang diinginkan pengkaji telah membuat beberapa ujian warna untuk memastikan campuran warna menjadi seperti yang diinginkan. Antara warna yang digunakan adalah warna biru, kuning, hijau, mint, merah jambu, ungu muda dan ungu gelap.

Menurut sumber dari *google*, warna biru diyakini berfungsi sebagai ubat semulajadi yang dapat mengurangkan masalah sukar untuk tidur (*insomnia*). Hal ini kerana warna biru dipilih adalah lebih menenangkan dan lebih santai. Warna biru ini digabungkan dengan warna merah jambu dan mint dalam satu desain sebagai latar belakang kain selendang. Seterusnya, warna merah jambu atau merah muda ialah warna hasil gabungan antara warna merah dan putih. Warna merah jambu ini melambangkan semangat dan kelembutan. Warna ini dipilih untuk diaplikasikan dalam selendang kerana warna ini sesuai untuk golongan muda. Hal ini sesuai dengan kajian pengkaji yang menfokuskan pada golongan wanita remaja dan dewasa sahaja.

Warna yang seterusnya adalah warna hijau. Warna hijau ini memberi simbol sebagai alam. Warna hijau merujuk kepada pepohonan dan dedaunan. Hal ini sesuai dengan kajian yang melibatkan motif alam semula jadi iaitu bunga ketam guri yang mempunyai daun berwarna hijau. Selain itu, hijau juga merujuk pada kesuburan dan suasana berkelimpahan di mana alam semesta dan suasana hijau memberi kesejahteraan hidup. Hal ini, pengkaji ingin menampilkan selendang hijau yang dihasilkan akan memberi ketenangan dan kesegaran semasa memakai selendang. Selain itu, warna ungu dipilih sebagai warna untuk selendang. Warna ungu ini dapat menonjolkan sifat eksklusif dan lembut. Pengkaji ingin meningkatkan lagi keyakinan wanita dalam pemakaian batik selendang. Akhir sekali, warna mint. Selendang yang berwarna lembut dan terang memang akan memberikan penampilan serta *mood* yang baik. Oleh itu, warna mint ini dipilih kerana ia menyegarkan. Hal ini warna mint ini merupakan trend sekarang. Warna hijau mint ini akan menimbulkan kesan penampilan yang lebih santai, ceria dan berani. Menurut Ayue Idris, (2020), warna green ash ini atau mint pastel merupakan warna yang agak popular di Malaysia. Beliau mengatakan, warna ini adalah salah satu warna pastel yang menjadi kesukaan ramai tanpa mengira umur. Oleh itu pengkaji memilih warna ini kerana ianya sesuai dikenakan pada remaja dan juga dewasa.

4.7 PROSES PENGHASILAN PRODUK

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji diberikan tugas untuk menghasilkan selendang yang diaplikasikan motif bunga ketam guri. Antara tugas yang perlu dilakukan oleh pengkaji adalah menghasilkan dua buah batik blok yang direka corak motif bunga ketam guri seterusnya menghasilkan satu sample dan tujuh yang bermotifkan bunga ketam guri menggunakan kaedah batik blok yang ditempah.



Rajah 4.7: Blok Batik Yang Dihasilkan Berdasarkan Reka Corak Motif Bunga Ketam Guri

(Wan Nur Asma Binti Wan Juhan)

4.7.1 Sample kain 2 meter

Untuk menghasilkan batik selendang yang bermotifkan bunga ketam guri ini, terdapat beberapa proses yang penting untuk menyiapkannya agar menjadi selendang yang boleh dipakai. Antaranya ialah pengkaji terlebih dahulu perlu mengkaji motif bunga ketam guri dalam laman sesawang dan sebagainya. Seterusnya, pengkaji mencari jenis kain yang sesuai untuk dicop.

Kain putih tersebut perlulah direbus terlebih dahulu supaya kanji yang terdapat di dalam kain tersebut berkurangan untuk memudahkan proses mengecop dan mewarna. Selesai merebus, kain tersebut akan dijemur untuk dikeringkan.



Rajah 4.7.1: Memilih Kain Yang Bersesuaian Dan Memotong Kain Mengikut Ukuran Selendang

(Wan Nur Asma Binti Wan Juhan)

Setelah berbincang dengan pemilik dan pembantu syarikat, selain membuat kajian, pengkaji telah mengambil keputusan memilih kain atau jenis fabrik yang sesuai untuk dijadikan batik selendang. Selepas itu, pengkaji akan memotong kain putih tersebut mengikut ukuran selendang yang sebenar iaitu 180 cm panjang dan 55 cm lebar dan membahagikan kain tersebut kepada lapan helai selendang termasuk sample.

MALAYSIA

KELANTAN

4.7.2: Proses Mengecop



Rajah 4.7.2: Proses Pengecapan Motif Pada Kain

(Wan Nur Asma Binti Wan Juhan)

Proses yang seterusnya adalah kain putih tersebut diletakkan di atas meja menerap untuk dicopkan kedua-dua blok yang bermotifkan bunga ketam guri. Pengkaji akan mengecop sehingga selesai sample dan ketujuh-tujuh selendang.





Rajah 4.7.2.1: Kain-kain Yang Telah Siap Dicot

(Wan Nur Asma Binti Wan Juhan)

4.7.3 Proses Menguji Warna

Proses yang selanjutnya ialah pengkaji telah membuat beberapa ujian warna untuk memastikan campuran warna menjadi seperti yang diinginkan pengkaji. Warna memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan batik. Warna yang menarik akan menghasilkan batik yang cantik dan disukai masyarakat.



Rajah 4.7.3: Proses Menguji Warna

4.7.4 Proses Mewarna Latar Belakang Kain



Rajah 4.7.4: Proses Mewarna Keseluruh Kain

(Wan Nur Asma Binti Wan Juhan)

Selepas membuat ujian bancuhan warna, pengkaji meneruskan langkah yang seterusnya adalah menyapu warna tersebut pada seluruh selendang atau kain. Pengkaji akan meratakan warna tersebut sehingga tiada kesan putih pada

kain. Kain tersebut diwarnakan mengikut warna yang telah ditetapkan. Warna yang digunakan adalah warna pastel iaitu ungu muda, mint, dan merah jambu.

4.7.5. Menghasilkan Teknik Tie & Dye



Rajah 4.7.5: Proses Menghasilkan Teknik Batik Tie & Dye

(Wan Nur Asma Binti Wan Juhan)

Selain teknik sapuan warna, pengkaji juga membuat kelainan pada batik bagi menghasilkan selendang dengan menggunakan teknik *tie & dye*. Teknik ini

menampakkan variasi penggunaan warna secara abstrak. Teknik pewarnaan kain ini mampu menonjolkan motif yang lebih menarik, cantik dan *stylish*.

4.7.6 Proses Merendam Kain Ke Dalam *Silicate*



Rajah 4.7.6: Proses Merendam Kain Ke Dalam *Silicate*

Selepas proses mewarna dan biarkan warna tersebut kering, kain perlu dicelupkan ke dalam *silicate* untuk mematkan warna. Kain yang dicelupkan selama lapan jam untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Ini merupakan antara proses terpenting kerana jika pengkaji tidak mencelupnya dengan baik dan rata hasilnya nanti kain akan menjadi pudar kerana ada bahagian kain tidak terkena *silicate* dan warna menjadi tidak sekata.

Kain yang telah di *silicate* akan dibiarkan selama lapan jam, setelah itu kain tersebut akan dibasuh dengan air yang banyak sehingga hilang kesan *silicate*.

4.7.7 Proses Merebus Kain



Rajah 4.7.7: Proses Merebus Selendang atau Kain

(Wan Nur Asma Binti Wan Juhan)

Kemudian, kain tersebut akan direbus di dalam kawah kecil kerana selendang tidak memerlukan ruang yang terlalu besar dan ditambah dengan sedikit campuran soda ash.

Proses merebus kain ini dilakukan adalah untuk menanggalkan lilin.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

4.7.8 Proses Menjemur

Proses berikutnya adalah kain tersebut akan dijemur sehingga kering.



Rajah 4.7.6: Proses Menjemur Kain

4.7.9 Proses Menjahit



Rajah 4.7.9: Proses Menjahit Selendang

Bagi menghasilkan selendang yang sempurna, proses terakhir yang dilakukan adalah pengkaji telah menjahit selendang dengan menggunakan *baby seam* atau jahitan halus.



Rajah 4.7.9.1: Selendang Yang Siap Dijahit Bahagian Tepi

BAB 5

CADANGAN

5.0 PENGKAJI BARU

Terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan untuk pengkaji. Antara cadangan tersebut ialah bagi penyusunan motif, pengkaji perlu lebih mempelbagaikan lagi penyusunan supaya orang tidak merasa bosan untuk melihat motif tersebut. Melalui penyusunan yang baik dan cantik dapat menarik minat golongan wanita remaja dan dewasa untuk memakai selendang batik walaupun motif yang digunakan tidak dikenali ramai. Selain itu juga, penghasilan variasi warna juga boleh diperbanyakkan lagi mengikut citarasa pelanggan. Di samping itu juga, motif bunga ketam guri ini perlu dikembangkan lagi dalam pemakaian batik bukan terhad kepada selendang sahaja malah diaplikasikan pada pemakaian lain seperti baju kemeja, baju *T-shirt*, *blouse*, seluar dan sebagainya.

5.1 INDUSTRI

Antara cadangan bagi industri adalah supaya pembatik lebih mempelbagaikan motif ini ke dalam batik sama ada batik canting mahupun batik cop. Mereka memainkan peranan yang besar bagi memartabatkan lagi warisan batik ini agar semua golongan suka akan memakai pemakaian batik. Pembatik perlu menghasilkan sesuatu yang baru

contohnya reka corak yang menarik lagi kerana pembeli lebih suka mencuba sesuatu yang baru dan ada kelainan. Di samping itu juga, pihak industri batik perlu mengeluarkan lebih banyak lagi blok batik yang bermotifkan bunga ketam guri supaya dengan ini dapat membuahkan idea pembatik untuk mengeluarkan produk yang mempunyai reka corak yang lebih cantik.

5.2 NEGARA

Cadangan bagi negara ialah pihak yang berkaitan seperti badan kerajaan perlu sentiasa memelihara warisan turun temurun yang semakin kurang dilakukan masa kini. Mereka perlu membantu usahawan-usahawan batik dari segi kewangan mahupun ilmu pengetahuan supaya boleh membantu serba sedikit semua usahawan dalam memperkembangkan dan memperkenalkan lagi perniagaan mereka sehingga ke luar negara.

Selain itu, negara perlulah sentiasa mengiktiraf batik Malaysia dan mengangkatnya sehingga terkenal keseluruh negara. Ini dapat membantu usahawan kecil batik agar lebih maju dan berkembang melalui bakat dalam seni mereka yang berteraskan keunikan, kehalusan, kecantikan dan ketenangan bila melihatnya pada kain batik.

RANCANGAN UNTUK JUALAN ATAS TALIAN

Melalui penghasilan produk atau selendang ini, pengkaji telah membuat perancangan untuk mempromosikan produk tersebut secara atas talian. Pengkaji akan membuka strategi jualan atau membuat iklan secara atas talian. Hal ini kerana disebabkan permulaan membuka bisnes dan juga musim pandemik sekarang segala bisnes bergerak secara online. Hal ini membuka peluang kepada pengkaji untuk membina bisnes sendiri secara kecil-kecilan. Antara aplikasi yang digunakan oleh pengkaji adalah Facebook, Instagram dan Tiktok. Hal ini dapat memperluaskan lagi pemasaran pengkaji dan pengkaji berharap dengan cara ini bisnes ini akan berkembang maju untuk masa akan datang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, rekaan menggunakan motif bunga ketam guri yang diaplikasikan pada selendang ini dapat memperkenalkan motif ini secara lebih mendalam lagi kepada generasi masa kini. Melalui kajian ini, ia dapat membantu sedikit sebanyak pengkaji memperoleh pengalaman dalam menghasilkan produk sendiri. Hal ini juga dapat memberi pengetahuan dan ilmu cara-cara menghasilkan selendang dengan menggunakan kaedah batik blok yang bermotifkan bunga ketam guri. Melalui kajian ini juga, ia dapat membantu sedikit sebanyak kepada pengkaji untuk menghasilkan idea batik yang lebih menarik dan jarang dijumpai. Melalui penghasilan kajian ini, pengkaji dapat menerapkan nilai kesabaran dan kesungguhan dalam diri untuk menghasilkan produk sempurna walaupun banyak cabaran dan proses tapi ianya memberi pengalaman yang sangat bermakna. Di samping itu juga, pengkaji berharap melalui kajian ini, ia berharap dapat memartabatkan lagi warisan turun temurun iaitu batik kepada generasi sekarang dan akan datang. Seterusnya, dapat memperbanyakkan lagi penggunaan motif bunga ketam guri dalam pemakaian batik. Akhir sekali, dapat memperkenalkan lebih mendalam lagi mengenai motif bunga ketam guri kepada generasi sekarang dan akan datang.

LAMPIRAN

PRODUK AKHIR



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN





UN

M

YSIA


KELANTAN



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN







UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


RUJUKAN

- Kamus Dewan Edisi Ke 4 (2005)
- Abdullah Mohamed. (1990). Lambang-lambang batik tradisi. Kertas Kerja Bengkel Batik Tradisi, Universiti Malaya.
- Adrydaud. (2011). Dedaun Alam. Ketam Guri.
- Zamrudin. (2019). Ciri-ciri Keindahan Dalam Penghasilan Rekaan Batik Kontemporari Berinspirasi Motif Abstrak.
- Omar Ali. (2019). Batik Malaysia: Warisan Budaya Terunggul.
- Hadi Nugroho. (2020). Pengertian Motif Batik dan Filosofinya.
- Amin. (2006). Manufacturing and Marketing of Tradisional Crafts: Malaysian Perspective. Bryman dan Bell 2003. (Reswell 2005), Sorotan Kajian: Rujukan Secara Kritikal dan Sistematik.
- Sufia Muhd Alwi (2018): Sorotan Kajian, Fakta Menyokong Objektif dan Teori.
- Pustaka, Ensiklopedia Malaysia. (1996). Penghasilan Corak.
- Kamus Dewan, 2007. Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Proceedings from Seminar Batik: Eksplorasi, dan Komunikasi. Institusi Kraf Negara, Perbadanan Kemajuann Kraftangan.
- Harozila bt. R. (2007), 'Batik Painting' dan 'Painting Batik' dalam Perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia. Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang.
- Asti M. dan Ambar B. Arini. (2011). Batik Warisan yang Unik.
- Herry Lisbijanto. (2013). Tiga Jenis Batik.
- Abdullah Jumain Abu Samah. (1990). Batik Hiasa Tekstil.
- Sabitha. (2006). Rekabentuk Kajian- Researcher Blog. Retrieved from https://dynamic5900.blogspot.com/2012/12/reka-bentuk-kajian_19.html.


- Merriam Courtney, Baungatner. (2003). Kaedah Kualitatif: Langkah Pemerhatian, Temubual, dan Analisis.
- Muhammad Fahmi. (2012). Metodologi Kajian.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN